

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut: -

1. Jawatan : **Pengurus Kewangan Gred W41**
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
3. Taraf Jawatan : Kontrak/ Tetap
4. Gaji : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,094.00	RM9,585.00	RM225.00

5. Kemahiran :
 - i) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) hingga lapan (8) tahun pengalaman dalam bidang pengurusan kewangan atau perakaunan.
 - ii) Berkeupayaan untuk memimpin dan mengurus Bahagian Kewangan bagi memastikan kecekapan operasi organisasi.
 - iii) Berpengalaman dalam merancang, mengurus dan memantau keseluruhan operasi kewangan organisasi termasuk perakaunan, bajet, aliran tunai dan pelaporan kewangan.
 - iv) Berpengalaman menguruskan *full set of accounts* termasuk penyediaan dan penghantaran dokumen lengkap kepada pihak Audit/ Jabatan Audit Negara (JAN).
 - v) Mahir menggunakan perisian perakaunan seperti UBS, Autocount, SQL, MYOB, Microsoft Office (Word, Excel dan PowerPoint) atau mana-mana sistem lain yang digunakan oleh organisasi.

vi) Mempunyai pengalaman dalam pengurusan kewangan kerajaan termasuk pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan (AP) dan Pekeliling Perbendaharaan (PP) serta pengurusan geran-geran kerajaan.

vii) Berpengalaman dalam penyediaan penyata kewangan bulanan dan tahunan serta penyatuan akaun yang tepat.

viii) Berpengalaman dalam penyediaan bajet, pemantauan perbelanjaan, pengurusan petty cash dan rekonsiliasi serta mahir dalam pengurusan simpanan tetap.

ix) Memantau pengurusan aliran tunai, pelaburan dan komitmen kewangan bagi memastikan kedudukan kewangan organisasi stabil.

x) Berpengalaman dalam urusan audit dalaman dan luaran serta memastikan segala teguran audit diambil tindakan sewajarnya.

xi) Menyelaras urusan percukaian dan memastikan pematuhan kepada undang-undang kewangan yang berkuat kuasa.

xii) Berpengalaman dalam pengurusan perolehan kerajaan termasuk pesanan tempatan (LO) serta memastikan prosesnya mengikut tatacara yang ditetapkan.

xiii) Mempunyai integriti yang tinggi serta bertanggungjawab melaksanakan tugas yang diamanahkan serta mampu mengurus pelbagai tugas dengan cekap serta menepati tempoh masa yang ditetapkan.

6. Deskripsi Tugas : Berperanan penting dalam keseluruhan perancangan, pelaksanaan dan penyelesaian hal ehwal kewangan organisasi serta memastikan kedudukan kewangan yang stabil dan telus.
7. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia; dan
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan, Kewangan, Pengurusan Kewangan atau bidang berkaitan. atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
8. Tarikh Tutup Iklan : **24 Mac 2026**
9. Calon-calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan dengan menyertakan salinan kad pengenalan, salinan sijil SPM, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, resume dan sekeping gambar berukuran passport melalui email sumbermanusia@yayasanperak.com.my atau pos ke alamat seperti berikut :-

**Unit Sumber Manusia
Yayasan Perak
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,
30000 Ipoh,
Perak**

10. Catatan :
- a) Hanya calon-calon yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - b) Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
 - c) Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.